

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI (BUKIT BENDERA)

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pencapaian misi bantuan Angkatan Tentera Malaysia ke Cox's Bazar, Bangladesh dan apakah langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan pelarian Rohingya daripada membanjiri sempadan darat dan maritim Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Objektif utama Hospital Medan Malaysia di Cox's Bazaar adalah bagi menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam menerajui isu kemanusiaan di rantau ini. Malaysia merupakan satu-satunya negara ASEAN yang membuka hospital medan untuk krisis Rohingya ini. Malaysia juga telah dibantu oleh negara-negara luar seperti Brunei Darussalam, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu untuk memberi bantuan kepada pelarian Rohingya di sana. Hospital ini juga mendapat pujian dan pengiktirafan daripada pelbagai agensi luar negara seperti World Health Organisation (WHO), Refugee Relief and Repatriation Commission (RRRC) dan International Committee of the Red Cross (ICRC) dan menjadi hospital rujukan di daerah berkenaan. Sehingga kini sebanyak 81,698 kes telah dirawat di hospital medan ini.

Kehadiran hospital medan juga telah meningkatkan hubungan baik dengan negara Bangladesh dan menjadikan operasi ini sebagai medan latihan untuk meningkatkan kesiagaan ATM dalam menghadapi situasi bantuan kemanusiaan dan kesihatan. Hospital Medan Malaysia bukan

NO SOALAN : 5

sahaja memberikan bantuan perubatan dan kesihatan kepada pelarian Rohingya tetapi turut memberi khidmatnya kepada penduduk setempat.

Jemaah Menteri telah bersetuju pada 2 Oktober 2019 untuk melanjutkan operasi hospital berkenaan sehingga selewat-lewatnya pada Disember 2021, iaitu lanjutan maksimum dua (2) tahun. Pengoperasian hospital ini akan melibatkan kerjasama dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan NGO's yang berkaitan.

Bagi langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kebanjiran pelarian Rohingya ke kawasan perairan Malaysia iaitu di Selat Melaka Utara, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) melalui Markas Wilayah Laut 3 yang berpangkalan di Langkawi telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan operasi bagi memantau kemasukan pelarian Rohingya ke perairan negara. Di samping itu, kerjasama perisikan dengan Tentera Laut Thailand juga diwujudkan bagi tujuan perkongsian maklumat. Pada masa ini, TLDM terlibat dengan Operasi Bantuan Kemanusiaan yang diterajui oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM). Fungsi TLDM dalam operasi ialah sebagai elemen bantuan yang membantu pihak APMM dalam pelaksanaan operasi.

Bagi kawalan sempadan daratan pula khususnya di sempadan Malaysia/Thailand, Tentera Darat (TD) melaksanakan operasinya dalam usaha menangani isu penyeludupan dan jenayah rentas sempadan serta ancaman kemasukan pelarian Rohingya ke sempadan Malaysia. Kerjasama dengan pihak Tentera Darat Thailand juga dilaksanakan melalui operasi bersama yang dijalankan di sempadan Malaysia/Thailand.